

Hubungan antara Kompetensi Guru dengan Motivasi Murid Untuk Belajar dalam Norma Baharu

(The Relationship Between Teacher Competence and Student Learning Motivation in the New Norm)

Muhammad Faiz Rosli^{1*}, Abd Razaq Ahmad², M. Khalid M. Nasir³

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: p105265@siswa.ukm.edu.my

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: razaq@ukm.edu.my

³Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: mdkhalid@ukm.edu.my

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Muhammad Faiz Rosli
(p105265@siswa.ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Kompetensi guru
Motivasi belajar
Pandemik
Pembelajaran atas talian
PdPR

KEYWORDS:

Teacher competence
Learning motivation
Pandemic
Online learning
PdPR

CITATION:

Muhammad Faiz Rosli, Abd Razaq Ahmad, & M. Khalid M. Nasir. (2022). Hubungan antara Kompetensi Guru dengan Motivasi Murid Untuk Belajar dalam Norma Baharu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001373. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1373>

Dalam dunia pendidikan serba mencabar kini, masyarakat meletakkan harapan yang sangat tinggi terhadap guru dalam bidang pendidikan walaupun dunia sedang berhadapan dengan pandemik Covid-19. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kompetensi guru dan motivasi belajar murid di salah sebuah sekolah di Subang Jaya di samping mengkaji pengaruh kompetensi guru terhadap motivasi belajar murid dalam norma baharu. Hasilnya harus dapat membantu guru melihat sejauh mana mereka telah mempraktikkan standard baharu untuk pengajaran di norma baharu dalam PdPR. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif deskriptif dan menggunakan reka bentuk kajian korelasi serta persampelan rawak mudah untuk memilih sampel daripada 1091 orang populasi murid di sekolah rendah. Seramai 56 orang murid terlibat dalam kajian ini. Instrumen Soal selidik digunakan untuk mengumpul data. Perisian SPSS 26.0 telah digunakan untuk menganalisis data. Hipotesis kajian diuji menggunakan statistik deskriptif seperti kekerapan dan peratusan, serta statistik inferensi dalam bentuk pekali Korelasi Pearson. Hasil kajian menunjukkan tahap kompetensi guru mengikut persepsi murid (min = 3.54, SP = 0.533) dalam kalangan murid sekolah rendah di Subang Jaya sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan adalah berada pada tahap yang tinggi. Begitu juga dengan tahap motivasi belajar murid (min = 3.91, SP = 0.312). Keputusan hubungan kedua-dua pemboleh ubah pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kompetensi guru mengikut persepsi murid ($r = 0.393$, $p < 0.01$) dengan motivasi belajar murid sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan. Usaha berterusan perlu dilaksanakan dalam meningkatkan kualiti guru serta motivasi belajar murid untuk membangunkan sistem pendidikan berkualiti

walaupun tertampar dengan isu dan cabaran wabak coronavirus.

ABSTRACT

In today's challenging world of education, society places very high expectations on teachers in the field of education even as the world is facing a Covid-19 pandemic. This study aims to identify teacher competence and student learning motivation in one of the schools in Subang Jaya in addition to examining the influence of teacher competence on student learning motivation in the new norm. The results should be able to help teachers see to what extent they have practiced the new standards for teaching in the new norms in PdPR. This study is a descriptive quantitative study and uses a correlation study design as well as simple random sampling to select a sample from 1091 primary school student population. A total of 56 students were involved in this study. Questionnaire instruments were used to collect data. SPSS 26.0 software was used to analyze the data. Study hypotheses were tested using descriptive statistics such as frequency and percentage, as well as inferential statistics in the form of Pearson Correlation coefficients. The results showed that the level of teacher competence according to students' perceptions (mean = 3.54, SP = 0.533) among primary school students in Subang Jaya during the period of movement control order was at a high level. Similarly, the level of student learning motivation (mean = 3.91, SP = 0.312). The results of the relationship between the two variables showed that there was a significant relationship between the level of teacher competence according to students' perceptions ($r = 0.393$, $p < 0.01$) with students' learning motivation during the period of movement control order. Continuous efforts need to be implemented in improving the quality of teachers as well as the motivation of students to learn to develop a quality education system despite the issues and challenges of the coronavirus epidemic.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini dapat menyumbang kepada literatur serta dapat merapatkan jurang antara kajian sedia ada berikutan isu pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) merupakan isu baharu yang diperkatakan kini. Kajian ini merupakan salah satu kajian yang mengkaji keberkesanan PdPR yang dilaksanakan disebabkan oleh situasi semasa jangkitan COVID-19 yang semakin meningkatkan di negara ini.

1. Pengenalan

Dunia pendidikan era pandemik mendesak perubahan yang drastik. Penerokaan aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah menjadi prasyarat. Karakteristik guru yang siap siaga bereksperimen meningkatkan kemahiran yang diperlukan menjadi kelangsungan pendidikan pada masa kini. Kajian menunjukkan dunia pendidikan semakin bergantung pada teknologi untuk memastikan pelajar dapat terus belajar secara dalam talian walaupun menghadapi wabak (Sunita, 2020). Untuk memenuhi tuntutan

semasa, satu-satunya syarat adalah keinginan untuk menyesuaikan pengetahuan dan kemampuan seseorang pendidik agar sesuai dengan keadaan. Di samping itu, ciri kesediaan yang disepadukan akan menjadikan proses pembelajaran sendiri lebih mudah dan pantas. Tenaga pengajar yang sentiasa bersedia dapat menjayakan objektif pendidikan yang dirancang.

Beberapa penyelidikan baharu telah dilaksanakan dan melihat guru berupaya meningkatkan kompetensi kesan daripada penularan wabak coronavirus. Kebanyakan kajian melihat peningkatan kemampuan guru dalam mengintegrasikan teknologi dalam pendidikan seperti kajian yang dijalankan oleh [Ain Nur \(2021\)](#), [Dwijuliani et al. \(2021\)](#), [Marjon dan Nugroho \(2019\)](#), [Muhtar \(2017\)](#) serta [Sunita \(2020\)](#). Antara faktor peningkatan kemahiran guru dalam pembelajaran digital adalah disebabkan oleh peranan yang dimainkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang melaksanakan pelbagai program dalam meningkatkan kemahiran guru dalam teknologi. Antaranya, *DELIMA Certified Training Program* iaitu sebuah program dengan kerjasama Google Malaysia dalam mendekatkan jurang antara guru dengan murid ketika pengajaran secara bersemuka tidak dapat dilaksanakan.

Antara pendekatan dalam melaksanakan PdPR adalah melalui dalam talian dengan menggunakan capaian Internet, penggunaan peranti dan pembelajaran secara *realtime* ([Kementerian Pelajaran Malaysia, 2020](#)). Dengan ini dapat dilihat pendidikan era pandemik ini sedikit sebanyak mempengaruhi warga pendidik untuk mendalami kemahiran dalam menggunakan ICT ([Sudrajat, 2020](#)). Walau bagaimanapun, beberapa dapatan kajian lain menunjukkan perkembangan kurang positif dari segi penglibatan murid dan motivasi belajar murid dalam talian ([Indrastuti et al., 2021](#); [Irma Mahad et al., 2021a](#); [Nor Asmah & Syawal Amran, 2021](#); [Norul et al., 2021](#)). Oleh itu, kajian ini adalah untuk melihat hubungan antara kompetensi guru dengan motivasi belajar murid era pandemik. Walaupun terdapat juga kajian yang dijalankan dalam melihat hubungan kedua-dua pemboleh ubah berkenaan seperti kajian yang dijalankan oleh [Haifa \(2018\)](#) tetapi masih kurang kajian yang dijalankan untuk melihat kedua-dua pemboleh ubah tersebut dalam pengajaran dan pembelajaran era pandemik.

Tambahan pula, peningkatan trend yang melibatkan aktiviti secara atas talian pada masa kini bukan sahaja tertumpu kepada pendidikan di sekolah semata-mata. Malah terbuka luas kepada pelbagai bidang kursus yang melibatkan sektor perniagaan, perkhidmatan dan sebagainya. Kondisi ini menjadikan idea dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran berasaskan teknologi akan memainkan peranan utama dalam interaksi antara guru dengan murid jangka panjang. Usaha kajian ini adalah untuk menilai sejauh mana hubungan kompetensi guru menggunakan teknologi serta fungsinya bersama motivasi belajar murid. Perkembangan ini menunjukkan perlunya kajian yang lebih luas terhadap kompetensi guru pada era pandemik ini. Dengan itu, kajian ini dapat menambahkan literatur dan memberikan gambaran yang lebih jelas tentang perkembangan pendidikan yang dilaksanakan oleh guru khususnya era pandemik.

Kajian ini turut mengenal pasti kemahiran-kemahiran utama yang diaplikasikan oleh guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). Sebagai tambahan, fokus kajian ini dibatasi kepada sekolah di kawasan bandar sahaja kerana cabaran pembelajaran di rumah luar bandar lebih mencabar seperti masalah kepada akses Internet yang lemah dan ketiadaan peranti pintar yang bersesuaian ([Tamilmullai Thannimalai & Salini Baloh, 2021](#)). Penemuan penyelidikan ini diharapkan dapat memotivasikan para pendidik dalam mengembangkan kemahiran baru demi proses

pengajaran dan pembelajaran yang lebih berjaya dan mencadangkan kursus-kursus yang bersasar dalam meningkatkan kompetensi para guru dalam perkhidmatan.

Terdapat empat bahagian yang telah disusun dalam kajian ini. Bahagian permulaan, dibincangkan mengenai kajian-kajian sedia ada mengenai kompetensi guru dan motivasi murid. Seterusnya, metodologi kajian dan pendekatan analisis data dinyatakan. Bahagian seterusnya, hasil kajian dibentangkan. Pada bab akhir pula, kajian membincangkan bagaimana kompetensi guru mampu mempengaruhi motivasi murid era pandemik.

2. Sorotan Literatur

Salah satu faktor paling utama dalam menentukan hala tuju dan mutu pendidikan adalah guru. Guru pada abad 21 kini harus selalu meningkatkan kompetensi agar tidak ketinggalan zaman dalam mendidik generasi sekarang. Kompetensi merupakan kemampuan untuk melaksanakan kerja (*ability to do*) yang berlatarbelakangkan penguasaan pengetahuan, sikap, dan keterampilan (Zainuddin, 2019). Hal ini bermaksud kualiti kerja seseorang guru bergantung kepada tahap penguasaan pengetahuan, kemahiran, sikap, dan nilai. Semakin tinggi kualiti seorang guru, semakin tinggi keberkesanan dalam menjalankan kerja terutama dalam memastikan murid-murid mendapat kualiti pembelajaran pada tahap yang maksimum. Bertepatan dengan pandangan Sahat Renol (2015) bahawa kompetensi guru akan melahirkan murid yang berkualiti bukan sahaja dalam akademik malah kemahiran, jasmani, kematangan emosi, sosial, moral dan rohani.

Motivasi dapat difahami sebagai dorongan tingkah laku individu secara berterusan untuk menjalankan aktiviti dengan rangsangan sesuatu insentif. Maryam (2016) dalam kajiannya menyatakan bahawa motivasi merupakan perubahan tenaga dalam diri seseorang bersama-sama dengan dorongan yang berasal dari diri individu tersebut untuk mencapai sesuatu matlamat. Maka jelas bahawa motivasi merupakan semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorongnya untuk berusaha melakukan sesuatu dengan tujuan mencapai kejayaan. Jika dilihat dari segi pendidikan, motivasi dianggap sebagai daya penggerak psiko dalam diri murid yang menimbulkan keinginan untuk belajar, menjamin kelangsungan aktiviti belajar dan seterusnya menanamkan azam untuk terus belajar demi mencapai kejayaan. Motivasi memainkan peranan yang penting bukan sahaja kepada murid malah guru juga terutamanya dalam memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran secara alam maya pada musim pandemik ini. Kesediaan dan semangat murid yang berterusan dalam menghadapi pembelajaran secara maya ini adalah satu perkara yang perlu diberi perhatian. Hal ini kerana pembelajaran alam maya masa kini merupakan platform utama untuk penyampaian ilmu.

Menurut Ikhsan et al. (2017), persepsi merujuk kepada proses memberi makna, interpretasi dari rangsangan, dan dorongan yang diterima oleh individu juga dipengaruhi oleh faktor-faktor dalaman mahupun luaran masing-masing. Ira Aini (2021) pula berpendapat bahawa persepsi merupakan satu bentuk ekspresi diri hasil daripada pengalaman rangsangan proses deria terhadap diri seseorang individu. Secara umum, persepsi boleh disimpulkan sebagai kesan pemahaman idea yang seseorang dapat lihat melalui pancaindera terhadap sesuatu objek atau perkara. Persepsi juga boleh difahami sebagai bagaimana manusia memberi maklum balas terhadap segala maklumat yang mereka terima dengan cara membuat gambaran, membayangkan dalam fikiran, tanggapan, imaginasi, dan pandangan terhadap sesuatu.

Menurut [Sudrajat \(2020\)](#), masih terdapat potensi peningkatan dalam literasi guru dan kebolehan penguasaan sains dan teknologi, serta kemahiran pengurusan bilik darjah dan kecekapan komunikasi dan sosial. Proses pembelajaran akan berjalan dengan lebih lancar sekiranya kemahiran ini diwujudkan bagi mengelakkan isu-isu yang timbul dalam pembelajaran dalam talian. Bagi [Sahat Renol \(2015\)](#) pula, kecekapan guru dan motivasi pelajar mempunyai kesan yang besar terhadap hasil pembelajaran pelajar. Kajian [Norul et al. \(2021\)](#) yang mengkaji tahap sikap dan tahap motivasi dalam kalangan 113 orang pelajar tingkatan 4 yang mengambil mata pelajaran fizik di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia setelah menjalankan pembelajaran secara dalam talian mendapati motivasi pelajar untuk pembelajaran dalam talian adalah kurang positif berbanding pendapat mereka terhadap mata pelajaran fizik. Hal ini bermakna pengajarah yang mampu membina semangat pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran yang mana pendapat pelajar terhadap sesebuah mata pelajaran awalnya adalah positif. Pemboleh ubah dalaman pelajar seperti motivasi dan pendapat mereka terhadap sesebuah mata pelajaran didapati memberi kesan kepada keseronokan mereka dalam pembelajaran atas talian.

Selaras dengan kajian yang dijalankan oleh [Mualimul Huda \(2017\)](#) mendapati korelasi yang kuat dan signifikan antara kompetensi personaliti guru dengan motivasi pembelajaran pelajar terhadap 175 pelajar. Begitu dengan kajian [Wahyuningsih \(2017\)](#) yang mengkaji pengaruh kompetensi pedagogi dan kompetensi profesional guru terhadap motivasi belajar pelajar di MAN 5 Jombang, Jawa Timur dan mendapati bahawa motivasi pelajar untuk belajar dipengaruhi oleh kedua-dua faktor tersebut. Kompetensi merangkumi pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperlukan dalam konteks tertentu ([Drange et al., 2019](#)). Berhubung dengan pengajaran dan pembelajaran norma baharu yang mengetengahkan pembelajaran secara atas talian telah mendesak keperluan guru untuk memahirkan diri dalam kompetensi ICT. [Pratama dan Cahyaningsih \(2021\)](#) yang mengkaji gambaran pengajar abad ke-21 dengan sistem pembelajaran jarak jauh dan pendekatan yang paling sesuai untuk mengoptimumkan hasil pembelajaran dalam sistem pembelajaran jarak jauh mendapati bahawa kebolehan digital guru dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian adalah sangat penting.

Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah (PdPR) yang dilaksanakan berikutan penutupan sekolah akibat wabak koronavirus secara tidak langsung memberi peluang kepada guru-guru menambah serta meningkatkan kemahiran ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara atas talian. PdPR juga turut memberikan kesan positif kepada para pelajar yang mana mereka juga turut mula terdedah dengan pelbagai jenis aplikasi dan teknologi canggih ([Tamilmullai Thannimalai & Salini Baloh, 2021](#)). Untuk pembelajaran dalam talian, aplikasi seperti *Zoom*, *Google Meet*, *Webex*, *Telegram* dan *Canva* juga cukup bermanfaat. Platform Delima pula boleh digunakan untuk mengedarkan latihan atau tugas dalam talian kepada pelajar di samping penggunaan *Kahoot*, *Quizizz* dan *Edpuzzle*. Kemahiran guru menguruskan pengajaran melalui ICT dengan baik pastinya akan meninggalkan kesan positif pada diri pelajar ([Mailizar & Lianghuo Fan, 2020](#)).

Selain itu, murid-murid juga dapat didedahkan kepada pelbagai jenis media Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di samping membangunkan pelajar yang celik IT, kreatif dan bermotivasi ([Fatin et al., 2021](#)). Hasil daripada perubahan ini, ICT mempunyai pengaruh yang besar terhadap pendidikan sekolah. Pelbagai kaedah pengajaran kaedah maya telah dibangunkan untuk memenuhi keperluan pendidikan, termasuk di institusi pengajian tinggi dan sekolah awam. Walau bagaimanapun, terdapat isu keengganan guru menggunakan ICT di dalam bilik darjah yang turut menjadi masalah di banyak negara lain

bukan sahaja di Malaysia (Hapini et al., 2020). ICT adalah penting dalam dunia yang serba pantas hari ini. Pelajar yang mempelajari cara menggunakan ICT di sekolah lebih bersedia untuk kerjaya mereka pada masa hadapan. (ICT Learning in Schools, n.d.). Pendidikan era kini selepas penularan wabak virus korona menjadikan pembelajaran secara atas talian adalah satu kebiasaan. Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin dalam satu temu bual menyatakan bahawa adalah penting bagi pelajar itu untuk mempunyai hubungan dengan guru mereka untuk meneruskan pembelajaran dengan sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) walaupun tidak dapat bersemuka (Mohd Amin, 2021).

Namun, kajian yang dijalankan oleh Norehan dan Mahaliza (2021) dan Norfiza et al. (2021) menunjukkan sebahagian kumpulan pelajar menunjukkan motivasi yang semakin menurun apabila pelaksanaan PdPR sebagai satu kaedah pengajaran dan pembelajaran. Hal yang sama juga turut dilaporkan oleh Berita Harian, Sinar Harian dan Utusan Malaysia (Mohd Nazri, 2021; Mohd Nizam, 2021; Muhammad Zulkarnain, 2021). Antara isu yang mempengaruhi emosi pelajar antaranya dihalang oleh kekurangan dan peralatan peranti yang tidak bersesuaian serta sambungan Internet yang tidak stabil. Walaupun begitu, cabaran atau isu tersebut bukanlah satu isu utama di kalangan pelajar di Subang Jaya kerana kedudukannya di bandar dan rata-rata keluarga terdiri dalam golongan yang mampu. Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan kompetensi guru dengan motivasi belajar murid norma baharu di Subang Jaya.

3. Metod Kajian

Metodologi kajian merujuk kepada teknik, prosedur dan pendekatan yang digunakan untuk mencapai objektif dan matlamat kajian. Pendekatan penyelidikan menjadikan kajian lebih berkaedah, dan perjalanan kajian lebih tertumpu kepada mencapai objektif (Fuad, 2017). Secara ringkasnya, kajian ini merupakan kajian kuantitatif deskriptif yang direka untuk menemui dan menyiasat secara sistematik hubungan antara kompetensi guru dan motivasi pembelajaran pelajar dalam era norma baharu pasca *Covid-19*. Reka bentuk kajian tinjauan yang menggunakan reka bentuk kajian korelasi digunakan dalam kajian ini. Kajian tinjauan termasuk dalam kajian yang dikelaskan sebagai salah satu jenis kajian dalam penyelidikan deskriptif (Fuad, 2017).

3.1. Persampelan

Persampelan rawak mudah digunakan untuk memilih sampel daripada 1091 orang populasi murid dari sebuah sekolah rendah di Subang Jaya berdasarkan data yang diterima oleh pentadbiran sekolah. Responden kajian yang dipilih terdiri murid tahap 1 dan 2. Kajian ini menggunakan soal selidik yang diadaptasi dan diubah suai daripada kajian Ain Nur (2021), Irma Mahad et al. (2021b) dan Haifa (2018). Satu set borang soal selidik dibina daripada kajian tersebut. Bahagian pertama menjelaskan tentang demografi responden, bahagian kedua borang soal selidik berfokuskan kepada persepsi murid terhadap kompetensi guru dalam melaksanakan PdPR ketika perintah kawalan pergerakan (PKP) manakala bahagian ketiga dalam borang soal selidik berkaitan dengan motivasi belajar murid ketika perintah kawalan pergerakan (PKP).

1091 borang soal selidik diedarkan kepada murid-murid. Borang soal selidik ini telah dikongsikan melalui medium atas talian seperti emel, kumpulan *whatsapp* dan *telegram* sekolah. Sebanyak 56 borang soal selidik yang diterima semula daripada 1091 murid. Ini menjadikan hanya 5.1% daripada jumlah populasi yang mengambil bahagian menjawab soal selidik yang diedarkan. Kadar respons yang rendah dalam kalangan murid mungkin

disebabkan oleh kekurangan peranti atau kaedah penyampaian maklumat yang tidak cekap. Menurut [Norfiza et al. \(2021\)](#), murid menghadapi kekangan kekurangan peranti dan capaian Internet serta terpaksa menghadapi pelbagai keadaan semasa berada di rumah. Sampel kajian diterangkan dengan lebih lanjut dalam [Jadual 1](#) di bawah.

Jadual 1: Demografi Responden

Sampel	Kaum	Jantina		Jumlah
		Lelaki	Perempuan	
Murid	Melayu	20	20	56
	Cina	1	6	
	India	4	5	

3.2. Pengumpulan Data

Soal selidik pertama telah diuji terhadap 30 orang murid di Subang Jaya. Seterusnya, kajian ini mengumpul data dari Mei hingga Jun 2021 melalui tinjauan pendapat dalam talian. Peringatan telah dikeluarkan kepada responden dua minggu selepas siaran pertama untuk mengingatkan mereka supaya melengkapkan soal selidik. Tiada insentif diberikan kepada responden melengkapkan soal selidik. Set soal selidik untuk kajian ini dihantar ke sekolah secara atas talian (*online*). Kaedah ini telah dipilih disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan. Pautan borang *Google Forms* digunakan untuk menyebarkan soal selidik kepada peserta.

3.3. Pengukuran

Kajian ini menggunakan soal selidik yang diadaptasi dan diubah suai daripada kajian [Ain Nur \(2021\)](#), [Irma Mahad et al. \(2021b\)](#) serta [Haifa \(2018\)](#) dan disahkan oleh pakar dalam bidang kajian pendidikan dengan skor kebolehpercayaan *Alpha Cronbach*, 0.914 yang dianggap sangat baik untuk kajian ini sebagai instrumen kajian ([Fox & Bond, 2021](#)).

4. Hasil Kajian

4.1. Latar belakang responden

[Jadual 2](#) menunjukkan taburan demografi responden. Daripada keseluruhan 56 responden yang terlibat dalam kajian ini, hasil kajian mendapati seramai 25 orang (44.6%) adalah terdiri daripada murid lelaki, manakala bakinya seramai 31 orang (55.4%) lagi adalah terdiri daripada murid perempuan.

Jadual 2: Taburan Demografi Responden

Demografi	Sub-profil	Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	25	44.6
	Perempuan	31	55.4
Tahap	Satu	12	21.4
	Dua	44	78.6
Etnik	Melayu	40	71.4
	Cina	6	10.7
	India	10	17.9

Dari segi tahap pula menunjukkan seramai 12 orang (21.4%) adalah murid dari tahap Satu, manakala seramai 44 orang (78.6%) lagi adalah murid dari tahap Dua. Seterusnya, bagi profil responden mengikut etnik menunjukkan seramai 40 orang (71.4%) berbangsa Melayu, 6 orang (10.7%) berbangsa Cina dan 10 orang (17.9%) berbangsa India.

4.2. Kebolehpercayaan Instrumen

Jadual 3 menunjukkan kebolehpercayaan bagi tahap kompetensi guru mengikut persepsi murid dan motivasi belajar murid adalah masing-masing 0.941 (12 item) dan 0.818 (12 item). Manakala kebolehpercayaan bagi keseluruhan instrumen pula adalah 0.914 (24 item). Maka, jadual *Alfa Cronbach* menunjukkan bahawa instrumen yang digunakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Jadual 3: Kebolehpercayaan Instrumen

Pemboleh ubah	Alfa Cronbach	Bilangan item
Tahap kompetensi guru mengikut persepsi murid	0.941	12
Tahap motivasi belajar murid	0.818	12
Keseluruhan instrumen	0.914	24

4.3. Taburan Kenormalan

Berdasarkan analisis statistik seperti dalam Jadual 4 menunjukkan pemboleh ubah kajian iaitu tahap kompetensi guru mengikut persepsi murid dan tahap motivasi belajar murid adalah berdistribusi normal iaitu mempunyai hasil ujian pemboleh ubah di antara ± 2 sisihan piawai. Oleh itu, data-data dalam kajian ini adalah sesuai untuk dilakukan analisis selanjutnya.

Jadual 4: Taburan Kenormalan (Skewness and Kurtosis)

	Skewness		Kurtosis	
	Statistic	Std. Error	Statistic	Std. Error
Tahap kompetensi guru mengikut persepsi murid	-.840	.319	-.654	.628
Tahap motivasi belajar murid	.955	.319	.408	.628

4.4. Tahap Kompetensi Guru Mengikut Persepsi Murid

Keputusan kajian dalam Jadual 5 di bawah adalah untuk menjawab objektif kajian pertama iaitu mengenal pasti tahap kompetensi guru mengikut persepsi murid sekolah rendah di Subang Jaya sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan. Hasil dapatan menunjukkan enam item mempunyai skor yang tinggi, manakala enam item lagi mempunyai skor yang sederhana dengan julat min item berada antara 3.09 hingga 3.93. Berdasarkan dapatan kajian ini, item B5 iaitu "*Guru saya dapat memberikan contoh-contoh yang berkaitan dalam memberi kefahaman kepada murid.*" mencatatkan min yang tertinggi (min = 3.93, SP = 0.892). Manakala item B10 iaitu "*Guru saya menentukan aktiviti yang berbeza antara ciri-ciri murid yang mempunyai kemampuan rendah dan murid yang mempunyai kemampuan tinggi.*" pula mencatatkan min yang terendah (min = 3.09, SP = 0.514). Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa skor tahap kompetensi guru mengikut persepsi murid (min = 3.54, SP = 0.533) dalam kalangan murid sekolah rendah

di Subang Jaya sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan adalah berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 5: Tahap Kompetensi Guru Mengikut Persepsi Murid

No	Pernyataan	Min	SP
B1	Guru saya memaklumkan terlebih dahulu tentang objektif pembelajaran sebelum menyampaikan pengajaran	3.71	.780
B2	Guru saya menerangkan kemahiran dan pengetahuan yang perlu dikuasai oleh murid	3.75	.745
B3	Guru saya dapat menghubungkan hubungan isi pelajaran dengan kehidupan harian murid	3.55	.537
B4	Guru saya mampu menjelaskan bahan pembelajaran dengan jelas dan mudah difahami oleh murid	3.39	.652
B5	Guru saya dapat memberikan contoh-contoh yang berkaitan dalam memberi kefahaman kepada murid	3.93	.892
B6	Guru saya sentiasa mampu menjawab soalan yang diberikan oleh pelajar dengan jelas semasa proses pengajaran dan pembelajaran	3.48	.687
B7	Guru saya menggunakan pelbagai kaedah pengajaran yang sesuai ketika pandemik seperti penggunaan aplikasi yang menarik seperti <i>Quizziz, Kahoot, Wordwall</i> dan lain-lain	3.29	.624
B8	Guru saya menggunakan pelbagai sumber seperti video, audio atau sumber grafik semasa pengajaran dan pembelajaran	3.63	.648
B9	Penggunaan media dan sumber pembelajaran yang digunakan oleh guru saya sangat membantu murid memahami isi pelajaran yang diajar	3.77	.713
B10	Guru saya menentukan aktiviti yang berbeza antara ciri-ciri murid yang mempunyai kemampuan rendah dan murid yang mempunyai kemampuan tinggi.	3.09	.514
B11	Guru saya sentiasa menyediakan soalan pengukuhan secara lisan atau bertulis di akhir sesi pengajaran	3.41	.682
B12	Guru saya dapat menetapkan penilaian objektif yang jelas sesuai dengan peringkat pengetahuan dan kemahiran murid	3.45	.658
Keseluruhan		3.54	.533

(Tahap: Sangat rendah = 1.00 – 1.89, Rendah = 1.90 – 2.69, Sederhana = 2.70 – 3.49, Tinggi = 3.50 – 4.29, Sangat tinggi = 4.30 – 5.00)

4.5. Tahap Motivasi Belajar Murid

Jadual 6 di bawah pula menunjukkan keputusan kajian bagi menjawab objektif kajian pertama iaitu mengenal pasti tahap motivasi belajar murid sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan. Hasil dapatan menunjukkan kesemua dua belas item tersebut mempunyai skor yang tinggi, dengan julat min item berada antara 3.59 hingga 4.16. Berdasarkan dapatan kajian ini, item C11 iaitu "*Saya mengikuti PdPR agar tidak ketinggalan dalam pelajaran.*" mencatatkan min yang tertinggi (min = 4.16, SP = 0.654). Manakala item C8 iaitu "*Saya belajar bersungguh-sungguh agar mendapat perhatian guru.*" pula mencatatkan min yang terendah (min = 3.59, SP = 0.654). Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa skor tahap motivasi belajar murid (min = 3.91, SP = 0.312) dalam kalangan murid sekolah rendah di Subang Jaya sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan adalah berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 6: Tahap Motivasi Belajar Murid

No	Pernyataan	Min	SP
C1	Saya rasa bersemangat mengikuti PdPR	3.82	.575
C2	Saya memanfaatkan waktu lapang untuk belajar	3.82	.508
C3	Saya rasa mudah menggunakan alatan ICT semasa sesi PdPR	3.84	.596
C4	Saya rasa mudah menggunakan alatan ICT semasa menyiapkan tugas sekolah	3.86	.616
C5	Saya dapat melaksanakan tugas secara sendiri	4.02	.356
C6	Saya rasa mudah mengikuti pembelajaran guru secara atas talian	4.04	.538
C7	Saya sentiasa mencari maklumat melalui Internet untuk menambah ilmu pengetahuan	3.82	.471
C8	Saya belajar bersungguh-sungguh agar mendapat perhatian guru	3.59	.654
C9	Saya belajar bersungguh-sungguh agar mendapat perhatian ibu bapa	3.91	.549
C10	Saya bersungguh-sungguh melaksanakan tugas jika tugas dinilai oleh guru	4.04	.503
C11	Saya mengikuti PdPR agar tidak ketinggalan dalam pelajaran	4.16	.654
C12	Saya mengikuti PdPR kerana guru sentiasa bersedia dengan bahan pengajaran yang menarik	3.96	.380
Keseluruhan		3.91	.312

(Tahap: Sangat rendah = 1.00 – 1.89, Rendah = 1.90 – 2.69, Sederhana = 2.70 – 3.49, Tinggi = 3.50 – 4.29, Sangat tinggi = 4.30 - 5.00)

4.6. Hubungan Antara Tahap Kompetensi Guru Mengikut Persepsi Murid Dengan Motivasi Belajar Murid

Keputusan kajian ini adalah untuk menjawab objektif kajian pertama iaitu mengenal pasti hubungan antara tahap kompetensi guru dengan motivasi belajar murid sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan. Ia menilai hipotesis berikut:

Ho1 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kompetensi guru dengan motivasi belajar murid sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan

Hasil dapatan dalam [Jadual 7](#) menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kompetensi guru mengikut persepsi murid ($r = 0.393$, $p < 0.01$) dengan motivasi belajar murid sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan. Dengan itu Ho1 adalah ditolak.

Jadual 7: Hubungan Antara Tahap Kompetensi Guru Mengikut Persepsi Murid Dengan Motivasi Belajar Murid

	Tahap motivasi belajar murid
Tahap kompetensi guru mengikut persepsi murid	0.393**

** $p < 0.01$

5. Perbincangan Kajian

Kajian ini mengkaji hubungan antara tahap kompetensi guru mengikut persepsi murid dengan motivasi belajar murid semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau pada era norma baharu. Telah terdapat beberapa kajian yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran norma baharu seperti kajian ([Ain Nur, 2021](#); [Feng et al., 2021](#); [Irma Mahad et al., 2021b](#); [Norehan & Mahaliza, 2021](#); [Norfiza et al., 2021](#); [Rabindarang & Arjunan, 2021](#); [Tamilmullai & Salini, 2021](#)). Walau bagaimanapun, masih kurang kajian yang

dijalankan untuk melihat dua pemboleh ubah, kompetensi guru dan motivasi murid secara bersamaan.

Dapatan pertama menunjukkan tahap kompetensi guru mengikut persepsi murid dalam kalangan murid sekolah rendah di Subang Jaya sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan adalah berada pada tahap yang tinggi. Ini juga membuktikan pengetahuan dan kemahiran guru sekolah rendah di Subang Jaya dalam mengendalikan peranti teknologi semasa melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) berada pada tahap yang baik. Perlu diakui dalam guru melaksanakan PdPR era norma baharu ini tidak akan dapat dilaksanakan tanpa bantuan teknologi. Penggunaan teknologi mengikut [Rabindarang dan Arjunan \(2021\)](#), pendidikan dalam paradigma baharu ini sememangnya memerlukan pengetahuan dan kemahiran dalam teknologi.

Dapatan kedua juga mendapati tahap motivasi belajar murid dalam kalangan murid sekolah rendah di Subang Jaya sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan turut berada pada tahap yang tinggi. Dapatan yang sama diperoleh dalam kajian yang dijalankan oleh [Feng et al. \(2021\)](#) dan [Irma Mahad et al. \(2021b\)](#) yang mendapati semasa fasa PKP, pelajar sekolah rendah bersemangat dan terlibat dalam talian. Walau bagaimanapun, terdapat juga kajian yang bertentangan dengan dapatan kajian tersebut seperti kajian [Nor Asmah dan Syawal Amran \(2021\)](#) serta [Tamilmullai Thannimalai & Salini Baloh \(2021\)](#) yang menyatakan bahawa trend penglibatan murid dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian menunjukkan penurunan, walaupun guru telah menyediakan pelbagai bahan pengajaran.

Peranti, pelan data dan motivasi diri pelajar merupakan faktor penting dalam melaksanakan pendidikan di norma baharu seperti dalam talian. Isu kekurangan dan peralatan yang tidak mencukupi, serta sambungan Internet yang tidak meluas menyebabkan pelaksanaan PdPR tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya ([Norehan Mohd Nasir & Mahaliza Mansor, 2021](#)). Cabaran utama adalah kepada ibu bapa yang mana terpaksa menyediakan anak-anak mereka dengan peralatan atau peranti yang bersesuaian termasuk akses Internet yang baik bagi membolehkan anak mereka mengikuti PdP di rumah semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Walaupun terdapat murid yang lebih berminat untuk meneruskan pembelajaran dalam talian, keadaan ini telah mengurangkan motivasi mereka kerana mengakibatkan kesukaran kepada mereka untuk mengikuti PdP.

Bagi dapatan kajian yang terakhir adalah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kompetensi guru mengikut persepsi murid dengan motivasi belajar murid sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan. Hal ini selaras dengan pandangan [Sahat Renol \(2015\)](#) bahawa murid yang berkualiti dapat dibangunkan sekiranya guru kompeten dalam bidang masing-masing. Pandangan tersebut turut disokong oleh kenyataan [Mualimul Huda \(2017\)](#) yang berpendapat, kompetensi seorang guru memberi impak kepada tabiat pembelajaran pelajar, serta dorongan mereka untuk belajar. Dari penjelasan di atas dapat disimpulkan bahawa kompetensi guru sememangnya berpengaruh terhadap motivasi belajar murid.

5.1. Implikasi dan Cadangan

Implikasi daripada kajian ini adalah kepada guru iaitu keperluan untuk menambahkan latihan persediaan guru supaya guru lebih bersedia untuk kelas abad ke-21 yang memberi penekanan kepada integrasi teknologi. Guru boleh melihat sejauh

mana mereka telah mempraktikkan standard baharu untuk pengajaran di norma baharu dalam PdPR. Guru perlu mahir dalam ICT, pedagogi dan pentaksiran untuk menjalankan tugas mengajar dengan cekap. Selain itu, dapatan kajian ini juga dapat membantu tenaga pengajar membuat persediaan yang lebih baik untuk proses PdPR. Kesannya, guru dapat mewujudkan aktiviti pembelajaran yang sesuai untuk menarik dan memberi inspirasi kepada pelajar untuk mengambil bahagian dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hasil daripada kajian ini, pihak sekolah, pentadbiran atau KPM boleh mendapatkan maklumat yang boleh digunakan untuk membantu membimbing dan menyokong guru untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan kebolehan guru dalam menggunakan banyak aplikasi-aplikasi pengajaran dalam talian yang ada pada hari ini seperti *Google Meet*, *Google Classroom*, *Padlet*, *Kahoot*, *Quizizz* dan sebagainya. Pentadbir dan pendidik juga boleh menggunakan dapatan ini untuk menentukan strategi dan tindakan yang paling berkesan untuk meningkatkan kecekapan guru menguruskan pedagogi dalam talian.

Penyelidik akan datang boleh menambah baik kajian ini dengan memperluaskan saiz sampel kajian. Dalam kajian ini, pengkaji menghadkan populasi responden kepada satu sekolah sahaja di bandar Subang Jaya. Penyelidik pada masa hadapan digalakkan untuk menjalankan penyelidikan yang sama di lokasi luar bandar di mana kebanyakan murid berasal dari keluarga isi rumah kelas pertengahan dengan pendapatan sederhana. Di samping itu, penyelidik akan datang juga digalakkan untuk menggunakan pendekatan berbeza seperti kaedah kualitatif atau campuran untuk menambah baik hasil kajian.

6. Kesimpulan

Berdasarkan hasil penelitian dalam kajian ini dapat disimpulkan bahawa tahap kompetensi guru yang tinggi memberi impak positif terhadap motivasi belajar murid dalam menghadapi pengajaran dan pembelajaran mengikut norma baharu. Impak pandemik Covid-19 memberi cabaran kepada guru dalam pendidikan masa kini untuk mempertingkatkan kompetensi merangkumi usaha mempersiapkan diri dengan kemahiran-kemahiran Abad-21 terutamanya menguasai kandungan kurikulum, berketerampilan dalam pedagogi, kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), memahami psikologi pembelajaran dan memiliki kemahiran kaunseling. Tumpuan kepada usaha meningkatkan kualiti guru bertepatan dengan misi Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membangunkan sistem pendidikan berkualiti dan bertaraf dunia walaupun tertampar dengan isu dan cabaran wabak yang menghimpit dunia. Dapatan kajian ini menunjukkan langkah proaktif perlu dilakukan untuk meningkatkan motivasi murid secara berterusan bukan sahaja pada fasa Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR), malah secara bersemuka juga. Sekiranya langkah-langkah yang sewajarnya diambil oleh pihak yang terlibat, maka kita mampu melahirkan generasi yang kreatif, inovatif, berfikiran KBAT dan mampu berdaya saing.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada responden yang telah memberikan kerjasama yang baik sepanjang kajian ini dijalankan. Terima kasih juga kepada pihak sekolah yang memberi peluang kepada pengkaji menjalankan kajian ini. Seterusnya kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung atas sumbangan cadangan dan bantuan yang telah diberikan demi menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini tidak menggunakan sumber kewangan yang besar dan hanya melibatkan kos perjalanan ke sekolah bagi urusan permohonan menjalankan kajian. Kajian dan penerbitan ini sepenuhnya penggunaan sumber kewangan sendiri tanpa tajaan mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Pengkaji tidak mempunyai konflik kepentingan dalam menjalankan kajian ini.

Rujukan

- Ain Nur Atika Agus. (2021). Tahap Pengetahuan dan Kediaan Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Pendekatan Terbeza dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, 11(2180–4842), 75–87.
- Drange, E.-M. D., Kjerstin, & Danielsen, B. (2019). *Defining Competences For Teacher Educators* (Issue November). http://itelab.eun.org/documents/452109/4263479/ITELab_Teacher+Educator+Competences+discussion+paper+vfinal/5b8e1c0c-2349-4e33-8ebb-1f390f4276e2
- Dwijuliani, R., Rijanto, T., Munoto, Nurlaela, L., Basuki, I., & Maspiyah. (2021). Increasing student achievement motivation during online learning activities. *Journal of Physics: Conference Series*, 1810(1), 1–7. <https://doi.org/10.1088/1742-6596/1810/1/012072>
- Fatin Shamimi, Nur Farakhanna, Mohd Ra'in, & Kesavan. (2021). Persepsi Pelajar Terhadap Aplikasi Multimedia Interaktif dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21. *Online Journal for TVET Practitioners*, 6(1), 14–24.
- Feng, F. L. Y., Fen, K. G., Liang, K. P., & Shin, L. H. (2021). Kaedah Pengajaran dalam Talian Guru Bahasa Melayu dan Motivasi Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, 11(April), 57–74.
- Fox, M., & Bond, T. G. (2021). *Applying The Rasch Model Fundamental Measurement in the Human Sciences* (Fourth). Routledge & T. & F. Group, Eds.
- Fuad Mohamed Berawi. (2017). Metodologi Kajian. In *Universiti Utara Malaysia* (Vol. 1).
- Haifa Kasman. (2018). Pengaruh Kompetensi Guru Terhadap Motivasi Belajar Siswa di SMA Negeri 10 Makassar. *Fakultas Tarbiyah dan Keguruan UIN Alauddin Makassar*, 53(9).
- Hapini Awang, Zahurin Mat Aji, Wan Rozaini, Erwani Kamaruddin, Abdulrazak, & Shakiroh Khamis. (2020). Cabaran Dalam Melaksanakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi: Analisis Kes Persekitaran Pembelajaran Maya-Frog Serta Strategi Untuk Melestarikan Penggunaan Google Classroom Dalam Kalangan Guru. *Journal of Educational Research and Indigenous Studies*, 1(1).
- ICT Learning in Schools. (n.d.). Retrieved November 1, 2021, from <https://ictlearninginschools.weebly.com/benefits-of-using-ict-in-schools.html>
- Ikhsan Fuady, Hadi Suprpto Arifin, & Engkus Engkus Kuswarno. (2017). Factor Analysis That Effect University Student Perception in Untirta About Existence of Region Regulation in Serang City - Analisis Faktor Yang Mempengaruhi Persepsi

- Mahasiswa Untirta Terhadap Keberadaan Perda Syariah Di Kota Serang. *Jurnal Penelitian Komunikasi Dan Opini Publik*, 21(1), 123770.
- Indrastuti, D., Hidajat, D., & Wulandari, A. A. (2021). Analisis Motivasi Belajar Matematika Siswa di Era Pandemi Coronavirus Disease 2019 (Covid-19). *Jurnal Pendidikan Matematika (Kudus)*, 4(1), 31–42. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.21043/jmtk.v4i1.10148>
- Ira Aini Dania, N. N. (2021). Sensasi, Persepsi, Kognitif. Sensation, Perception and Cognition. *Ibnu Sina: Jurnal Kedokteran Dan Kesehatan-Fakultas Kedokteran Universitas Islam Sumatera Utara*, 20(1), 14–21. <http://www.ojsfkuisu.com/index.php/ibnusina/article/view/59>
- Irma Mahad, Ugartini Mageswaran, & Intan Nur Syuhada Hamzah. (2021a). Sikap Dan Motivasi Murid Sekolah Rendah Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Talian Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1), 16–28.
- Irma Mahad, Zamri Mahamod, & Nurul Azira Sopian. (2021b). Kaedah Pengajaran Dalam Talian Guru Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan di Kawasan Bandar Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (The Implementation of Online Teaching Methods by Malay Language Teachers at Urban National Type Schools During Movement C. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 381–394.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2020). *Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah* (pp. 1–9). <https://www.moe.gov.my/muat-turun/lain-lain/manual-pdp-di-rumah/3727-manual-pdldr/file>
- Mailizar Mailizar, & Lianghuo Fan. (2020). Indonesian Teachers' Knowledge of ICT and the Use of ICT in Secondary Mathematics Teaching. *Eurasia Journal of Mathematics, Science and Technology Education*, 16(1), 1–13. <https://doi.org/10.29333/ejmste/110352>
- Marjon, M., & Nugroho, K. U. Z. (2019). The Competence of Teachers Based On Academic Qualification and Gender. *Journal of Physics: Conference Series*, 1318(1), 1–10. <https://doi.org/10.1088/1742-6596/1318/1/012136>
- Maryam, M. (2016). Pengaruh Motivasi dalam Pembelajaran. *Lantanida Journal*, 4(2), 88–97. <https://jurnal.ar-raniry.ac.id/index.php/lantanida/article/download/1881/1402%0Ahttps://media.neliti.com/media/publications/287678-pengaruh-motivasi-dalam-pembelajaran-dc0dd462.pdf>
- Mohd Amin Jalil. (2021). PdPR masih perlu diteruskan - KPM. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/877303/pdpr-masih-perlu-diteruskan-kpm>
- Mohd Nazri. (2021, June 19). Perbaiki pelaksanaan PdPR 2.0 atasi isu keciciran pelajar. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2021/06/829593/perbaiki-pelaksanaan-pdpr-20-atasi-isu-keciciran-pelajar>
- Mohd Nizam Mohamad Yatim. (2021). Jangan 'bunuh' semangat, motivasi pelajar. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2021/10/jangan-bunuh-semangat-motivasi-pelajar/>
- Mualimul Huda. (2017). Kompetensi Kepribadian Guru Dan Motivasi Belajar Siswa (Studi Korelasi Pada Mata Pelajaran Pai). *Jurnal Penelitian*, 11(2), 237–266. <https://doi.org/10.21043/jupe.v11i2.3170>
- Muhammad Zulkarnain Mohd Azman. (2021). 'Minat untuk belajar semakin pudar.' *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/149333/LAPORAN-KHAS/Minat-untuk-belajar-semakin-pudar>

- Muhtar, A. A. (2017). Developing Online Course Portal to Improve Teachers' Competency in Creating Action Research (CAR) Proposal Using Learning Management System (LMS) Moodle. *Journal of Physics: Conference Series*, 755(1), 1–7. <https://doi.org/10.1088/1742-6596/755/1/011001>
- Nor Asmah, & Syawal Amran. (2021). Perspektif Guru Terhadap Penglibatan Murid Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Secara Atas Talian Semasa Pandemik Covid-19 Di Malaysia. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1(4), 32–39. <http://myedujournal.com/index.php/arise/article/view/68/69>
- Norehan Mohd Nasir, & Mahaliza Mansor. (2021). Cabaran Guru dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR): Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(7), 416–421. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.854>
- Norfiza Apfandi, Nurul Hafizah Maarof, Nor Syamilah Md Zin, Nurul Suzaina Joli, & Rorlinda Yusof. (2021). Kajian Amalan Penggunaan Medium Atas Talian Oleh Pelajar Bagi Proses Pembelajaran Di Rumah (Study Of Online Medium Use Practice By Students For Learning Process At Home). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 285–295. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/15718/8140>
- Norul Naim, Siti Nurnajah, & Hafisah. (2021). Kesan Pembelajaran Dalam Talian Terhadap Sikap, Motivasi dan Pencapaian Pelajar Bagi Subjek Fizik. *Journal of Science and Mathematics Letters*, 9(1), 60–76. <https://doi.org/https://doi.org/10.37134/jsml.vol9.1.6.2021>
- Pratama, G. I., & Cahyaningsih, G. A. (2021). Melawat Ke Dunia Virtual Transformasi Guru Sejarah Biasa Menjadi Guru Memesona Abad 21 Di Masa Pembelajaran Jarak Jauh. *Jurnal Candra Sangkala*, 3(1), 11. <https://doi.org/10.23887/jcs.v3i1.33919>
- Rabindarang, S., & Arjunan, V. (2021). Paradigma Baharu PdPR: Satu Sorotan Kajian. *Asian Pendidikan*, 1(1), 73–79. <https://www.arsvot.org/index.php/aspen/article/view/66>
- Sahat Renol HS. (2015). Pengaruh Kompetensi Guru, Motivasi Belajar Siswa, dan fasilitas Belajar Terhadap Prestasi Belajar Mata Pelajaran Siswa Kelas XI IPS SMA Negeri 17 Medan. *Prosiding Semiar Nasional Pendidikan Ekonomi & Bisnis*, 1(1), 1–13. <https://jurnal.uns.ac.id/jpim/article/view/19638/15450>
- Sudrajat, J. (2020). Kompetensi Guru Di Masa Pandemi Covid-19. *Jurnal Riset Ekonomi Dan Bisnis*, 13(1), 100–110. <https://doi.org/10.26623/jreb.v13i2.2434>
- Sunita, M.-L. (2020). Education in the Era of COVID-19: Innovative Solutions to Real Challenges. *The Educational Review, USA*, 4(11), 193–198. <https://doi.org/10.26855/er.2020.11.002>
- Tamilmullai Thannimalai, & Salini Baloh. (2021). Cabaran Pdpr Bahasa Tamil Di Sekolah Luar Bandar. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 5(2), 183–190. <https://doi.org/https://doi.org/10.33306/mjssh/132>
- Wahyuningsih, R. (2017). Profesional Guru terhadap Motivasi Belajar di MAN 5 Jombang. *Jurnal Pendidikan Ekonomi, Kewirausahaan, Bisnis, Dan Manajemen (JPEKBM)*, 1(1), 19–27.
- Zainuddin Notanubun. (2019). Pengembangan Kompetensi Profesionalisme Guru di Era Digital (Abad 21). *Jurnal Bimbingan Dan Konseling Terapan*, 3(2), 54. <https://doi.org/10.30598/jbkt.v3i2.1058>